

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB ISLAMIC BANK BERHAD YANG MENGAWAL
"KEMPEN MERDEKA TIA-i" untuk bukan individu**

Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

1. Kempen TIA-i ("**Kempen**") yang dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad ("**Bank**" atau "**CIMB Islamic**") bermula dari 4 August 2020 dan berakhir pada 30 September 2020 termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau sehingga tercapai had yang tertentu, yang mana terdahulu ("**Tempoh Kempen**").

Kelayakan

2. Pelanggan Perbankan Komersial (Perbankan Perniagaan dan Perbankan SME) CIMB Islamic dirujuk sebagai ("**Pelanggan-pelanggan Layak**") sebagaimana ditetapkan oleh CIMB Islamic

Kadar Keuntungan Indikatif Kempen untuk Peletakan Akaun Pelaburan Berjangka-i

3. Bagi melayakkan diri untuk menikmati Kadar Keuntungan Indikatif Kempen yang ditawarkan dalam Kempen ini, Pelanggan-pelanggan Layak dikehendaki membuat jumlah peletakan pelaburan tunggal minimum untuk tempoh yang ditetapkan seperti dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen di dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i (secara kolektif dirujuk sebagai "**TIA-i**" **untuk bukan individu**):

Tempoh TIA-i	Nisbah Perkongsian Keuntungan	Kadar Keuntungan Indikatif Kempen	Amaun Peletakan Pelaburan Tunggal Minimum dalam akaun TIA-i	Amaun Peletakan Pelaburan Tunggal Maksimum dalam akaun TIA-i
6 Bulan	50:50 *	2.25%	RM10,000	RM 20,000,000

*Bank boleh menyemak semula PSR dalam tempoh kontrak Mudharabah tanpa kebenaran pemegang akaun dengan syarat bahawa PSR yang diperuntukkan untuk pemegang akaun dinaikkan daripada PSR yang dipersetujui sebanyak 50:50.

Mekanisme Kempen

4. **Pembaharuan** : "**Kadar Keuntungan Indikatif Kempen**" hanya tertakluk kepada peletakan untuk tempoh 6 bulan pertama. Sebarang pembaharuan seterusnya akan bergantung pada kadar keuntungan indikatif semasa CIMB Islamic yang tertakluk pada masa pembaharuan.
5. Pelaburan yang dibuat bagi tujuan Kempen hendaklah terdiri daripada dana sedia ada dan dana baru yang dilaburkan dengan CIMB Islamic. Istilah '**dana baru**' yang dirujuk di dalam ini ditakrifkan sebagai bermaksud wang atau dana yang walau bagaimanapun jua dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam akaun Pelanggan Layak daripada bank dan/atau institusi kewangan lain, selain daripada CIMB Bank Berhad, tidak kira caranya termasuk tetapi tidak terhad kepada pemindahan Inter Bank Giro dan pungutan dan pembayaran cek yang dibayar terhadap bank lain dan di mana wang atau dana yang dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan Layak digunakan oleh Pelanggan Layak untuk membuat pelaburan baru selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dalam masa tiga (3) hari perniagaan selepas wang atau dana tersebut dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan Layak. Peletakan deposit yang dibuat melalui cek adalah tertakluk kepada penjelasannya dan hanya akan dianggap pelaburan oleh Pelanggan Layak selepas cek dibayar atau dijelaskan.

6. Bagi Pelanggan-pelanggan Layak, keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa CIMB Islamic atau Akaun Semasa CIMB Bank. Jika Pelanggan-pelanggan Layak, masih tidak mempunyai akaun dengan pihak Bank, Pelanggan-pelanggan Layak dikehendaki membuka Akaun Semasa CIMB Islamic atau Akaun Semasa CIMB Bank.

Am

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan-pelanggan Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang keputusan oleh CIMB Islamic.
8. Keputusan oleh CIMB Islamic tentang semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, termasuk penentuan Pelanggan-pelanggan Layak dan hak untuk menerima Kadar Keuntungan Indikatif Kempen adalah muktamad, mengikat dan konklusif dengan syarat yang sama hendaklah dilihat sebagai adil dan munasabah. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan yang sama tidak akan dilayan melainkan ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran oleh CIMB Islamic.
9. Semua terma dan syarat yang mengawal operasi akaun TIA-i (bukan individu) Pelanggan-pelanggan Layak dan Akaun Afiliasi (Akaun Semasa CIMB Islamic atau Akaun Semasa CIMB Bank) akan terus terpakai kecuali dan melainkan jika atau di mana diubah atau dipinda dengan nyata oleh terma dan syarat di dalam ini. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten antara terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasi akaun Semasa dan Simpanan, terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini akan mengatasi yang lain bagi tujuan Kempen ini.
10. CIMB Islamic tidak akan dalam apa cara jua bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had kehilangan pendapatan, keuntungan, atau nama baik, langsung atau tidak langsung, gantirugi sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas yang ditanggung oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berhubung dengan Kempen ini, melainkan ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran oleh CIMB Islamic.
11. CIMB Islamic berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis empat belas (14) hari terdahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Islamic tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapat sebarang pampasan terhadap CIMB Islamic atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan-pelanggan Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan kecuali yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran oleh CIMB Islamic.
12. CIMB Islamic merizab hak dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terdahulu, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Makluman kepada Pelanggan-pelanggan Layak tentang Pindaan akan dibuat menurut budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu daripada kaedah komunikasi berikut, iaitu dengan menampal notis tentang Pindaan di setiap cawangan Bank atau dengan menyiarkan iklan tentang Pindaan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman web Bank atau melalui sebarang cara makluman lain yang dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan-pelanggan Layak dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam makluman berkenaan.
13. Terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai bagi Kempen ini boleh didapati di www.cimb.com.my

14. Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada penerapan sebarang undang-undang yang berkuat kuasa, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal, diisytiharkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013 dan/atau sebarang undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan terhadap Bank berhubung dengan atau yang terpakai pada Kempen atau sebarang perkara di dalam ini.
15. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen, Pelanggan-pelanggan Layak boleh menghubungi 'Customer Resolution Department' CIMB Islamic di alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh CIMB Islamic dengan memaklumkan Pelanggan-pelanggan Layak):- Customer Resolution Unit, P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. No: Pusat Panggilan +603 6204 7788, No. Faks: +603 2691 3248, E-mel: CRU@cimb.com.
16. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pelanggan-pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi akaun TIA-i, (bukan Individu) maka versi terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.